



21 Julai 2021
21 July 2021
P.U. (B) 372

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN
PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Perizaban Tanah bagi Maksud Awam [*P.U. (B) 6/2012*] yang disiarkan dalam *Warta* Persekutuan pada 3 Januari 2012, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan Tanah Persekutuan yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara), 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perwakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 108/2003*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 8.00 pagi hingga 2.00 petang pada 28 Julai 2021 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.